

Jawapan

Bab 1

Soalan KBAT

1 Adakah imperialisme masih berlaku pada abad ini? Berikan pendapat anda.

Ya:

- Penjajahan bentuk baharu
- Mengamalkan budaya kuning
- Keruntuhan akhlak dan etika
- Gaya hidup Barat yang keterlaluan
- Menganggap Barat lebih baik

Tidak:

- Negara bebas daripada penjajahan
- Masyarakat bersikap rasional dan matang
- Kemajuan negara mengikut acuan sendiri
- Ekonomi negara kukuh

2 Pada pendapat anda, bagaimanakah pemimpin sekarang boleh menghalang campur tangan kuasa Barat dalam pentadbiran?

- Pemimpin berwibawa
- Pentadbiran cekap dan bijaksana
- Pemerintahan sistematik
- Keberanian menolak atau menentang
- Perlembagaan negara mantap
- Rakyat bersatu padu
- Kekuatan tentera
- Strategi yang baik untuk menangani musuh

3 Sebagai warganegara Malaysia yang patriotik, bagaimanakah anda dapat mempertahankan kedaulatan Malaysia daripada dijajah semula?

- Menambah ilmu pengetahuan
- Menjaga nama baik Malaysia
- Tidak memburuk-burukkan negara
- Mempertahankan negara dengan bersungguh-sungguh
- Mempertahankan hak politik bangsa
- Mempertahankan warisan budaya bangsa

4 Sebagai pemimpin, apakah tindakan yang anda lakukan untuk memodenkan pentadbiran negara?

- Membentuk pentadbiran sistematik

- Melahirkan pegawai yang berpengetahuan, mahir dan cekap
- Melatih pegawai bersikap amanah
- Menggunakan teknologi ICT
- Membentuk jabatan yang cekap
- Mengekalkan institusi beraja
- Mengurangkan birokrasi
- Pengurusan yang cekap
- Menyediakan piagam pelanggan
- Pegawai yang mesra pelanggan
- Mencontohi pentadbiran sistematik luar negara

- 5 Apakah semangat perjuangan nasionalis di Asia Tenggara dalam menentang penjajah yang wajar dicontohi oleh generasi muda masa kini?
- Semangat berjuang bermatimatian
 - Mempertahankan hak politik bangsa
 - Mempertahankan warisan budaya bangsa
 - Kesepakatan dan kerjasama
 - Mempertahankan jati diri bangsa
 - Tidak mementingkan diri sendiri
 - Berjuang bukan kerana kepentingan peribadi

Soalan Objektif

- 1 B 2 D 3 A 4 B 5 A 6 C
7 C 8 C 9 B 10 B 11 A 12 A
13 C 14 C 15 A 16 D 17 B 18 B
19 B 20 C 21 D 22 B 23 D 24 D
25 D 26 D 27 D 28 B

Soalan Struktur

1 (a)

- Penubuhan kerajaan pusat hasil penyatuan wilayah di tanah jajahan
- Pelantikan Gabenor Jeneral sebagai ketua pentadbir di tanah jajahan
- Pelaksanaan pentadbiran melalui biro (jabatan)
- Pelantikan pegawai barat sebagai ketua biro
- Pengenalan undang-undang Barat

1 (b)

- Sepanyol memperkenalkan sistem pentadbiran berpusat dengan Gabenor Jeneral sebagai pemerintah tertinggi
- Terdapat jawatan Ketua Datu Bandar (Pentadbir Wilayah)

- Terdapat juga Gabenor Kecil (Pentadbir Bandar)
- Pengenalan Sistem Encomienda yang diketuai oleh Encomiendero
- Tugas Encomiendero ialah memungut cukai, menjaga keamanan dan mengkristiankan penduduk *barangay*

1 (c)

- Kuasa pembesar tempatan terhakis/ diambil alih
- Pembesar kehilangan kuasa memungut cukai
- Hukuman jenayah/kuasa perundangan diambil oleh Barat
- Raja kehilangan takhta/kuasa/pemerintah
- Pengambilan pegawai/kakitangan dikuasai oleh bukan pribumi/masyarakat tempatan
- Raja hanya berkuasa dalam bidang yang sangat terhad seperti agama dan adat
- Terdapat juga campur tangan dalam hal ehwal agama seperti yang berlaku di Burma

1 (d)

- Meningkatkan kecekapan dalam kalangan kakitangan kerajaan
- Memperkasakan/penambahbaikan pengurusan melalui agensi seperti MAMPU, SIRIM ataupun INTAN
- Mengurangkan karenah birokrasi dan memperbaiki kelemahan
- Penerapan dan penghayatan dasar-dasar negara seperti Bersih, Cekap, Amanah, Kepimpinan Melalui Teladan, Wawasan 2020, dan lain-lain
- Memperkenalkan dan memperkasakan KPI dalam setiap organisasi/jabatan
- Pertandingan antara jabatan/ organisasi
- Memperkemas lagi jentera pengurusan dengan memperkenalkan pelbagai penambahbaikan seperti Hari Bersama Pelanggan, ISO, 5S dan lain-lain
- Tadbir urus yang cekap amanah dan berintegriti tanpa rasuah dan penyelewengan
- Penggunaan teknologi/online yang lebih tersusun dan kemas serta cekap

2 (a)

- Menguasai wilayah di tanah jajahan melalui penubuhan kerajaan pusat
- Menguasai tanah jajahan melalui pelantikan Gabenor Jeneral sebagai ketua pentadbir
- Melantik pegawai Barat sebagai ketua biro dalam usaha mengukuhkan penguasaan Barat di tanah jajahan
- Memperkenalkan undang-undang Barat dalam usaha mengekang kuasa pembesar tempatan

2 (b)

- Pembesar tempatan hilang kuasa kerana penduduk tempatan lebih setia kepada pembesar
- Cukai yang dikenakan kepada penduduk tempatan sangat tinggi
- Undang-undang Barat yang diperkenalkan menyusahkan penduduk tempatan
- Penduduk tempatan tidak diberi peluang berkhidmat dalam pentadbiran
- Layanan British kepada penduduk tempatan tidak seperti yang sepatutnya

2 (c)

- Melicinkan pengurusan pentadbiran negara
- Menarik pelabur asing datang melabur di negara kita
- Melatih pegawai tempatan menguruskan negara dengan baik
- Memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat

2 (d)

- Wujud kerajaan pusat sehingga kini
- Negeri-negeri ditadbir pegawai yang dilantik
- Undang-undang Barat masih diamalkan tetapi disesuaikan dengan nilai-nilai agama Islam
- Pembesar terdiri daripada kalangan penduduk tempatan

Soalan Esei

3 (a) (i)

- Penentangan masyarakat secara terbuka
- Bersifat setempat
- Tidak berorganisasi
- Mementingkan isu kebudayaan
- Mementingkan isu agama
- Mementingkan hak peribumi
- Dipimpin oleh golongan pertengahan yang berpendidikan Barat/Asia Barat
- Menekankan kesedaran politik daripada tindakan politik

- Menuntut hak-hak mereka dikembalikan
- Menuntut taraf hidup mereka dibaiki
- Tidak meminta kemerdekaan dengan segera

3 (a) (ii)

- Gerakan yang lebih radikal
- Lebih berorganisasi
- Dipimpin golongan yang berpendidikan serta berpengetahuan luas dalam bidang kebudayaan dan ilmu pengetahuan Barat
- Lebih sedar perubahan yang diperkenalkan oleh penjajah serta kesannya terhadap bangsa dan negara mereka
- Matlamat ialah menuntut kemerdekaan dan membentuk kerajaan sendiri yang berdaulat

3 (b)

Tahap Pertama

- Kegelisahan rakyat terhadap penguasaan politik dan kerabat diraja
- Penentangan terhadap raja berkuasa mutlak
- Perkembangan sistem pendidikan Barat telah memberikan pendedahan terhadap fahaman liberal, sistem demokrasi dan sistem raja berpelembagaan kepada golongan intelek Thailand
- Kelemahan sistem pentadbiran dan sikap boros Raja Vajiravudh menyebabkan rakyat tidak berpuas hati
- Penubuhan Parti Rakyat oleh Nai Pridi Panomyong dan Field Marshall Phibul Songram
- Parti Rakyat telah melancarkan Revolusi Thai pada tahun 1932 yang menamatkan sistem raja berkuasa mutlak

Tahap Kedua

- Gerakan pada tahap ini lebih kepada rasa tidak puas hati rakyat terhadap cengkaman ekonomi oleh kapitalis Barat dan orang Cina
- Phibul Songram telah meluluskan undang-undang untuk menyekat kebebasan dan penguasaan ekonomi oleh orang Cina
- Sekolah Cina dibubarkan
- Akhbar Cina dimansuhkan
- Penduduk pribumi digalakkan melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi
- Jawatan tertinggi dalam kerajaan hanya untuk penganut agama Buddha

- Phibul Songram telah menukarkan negara Siam kepada Thailand yang bermaksud Tanah Bebas
- Hasil daripada bekerjasama dengan Jepun semasa Perang Dunia Kedua, Thailand telah berjaya mendapatkan semula wilayah-wilayah di IndoChina dan di Tanah Melayu

3 (c)

- Masalah perpaduan perlu ditangani dan jika tidak diatasi akan menyebabkan negara akan dikuasai oleh kuasa luar
- Lunturnya semangat patriotisme yang perlu diterapkan terutama dalam generasi muda untuk memastikan kedaulatan negara tidak dicabar
- Memastikan supaya lambang-lambang negara dihormati dan berbangga dengan kibaran Jalur Gemilang
- Sentiasa bersifat setia dan sayangkan negara
- Cabaran dalam aspek ekonomi perlu ditangani dengan bijaksana untuk mengelakkan wujudnya ketidakadilan agihan ekonomi dalam masyarakat Malaysia yang berbilang kaum
- Pemimpin juga harus memainkan peranan untuk memastikan wujudnya kestabilan politik dan mengelakkan campurtangan kuasa luar
- Cabaran masa kini seperti dunia tanpa sempadan menuntut setiap warganegara bersama-sama berusaha memastikan kedaulatan negara tidak digugat
- Perjuangan dahulu hanya memfokuskan kebebasan tanah air daripada belenggu penjajahan asing tetapi pada masa kini di era globalisasi cabaran adalah lebih getir dengan pelbagai masalah dunia sejagat

4 (a)

- Dasar penjajahan Barat menimbulkan perasaan tidak puas hati
- Pengaruh agama menyatukan rakyat tempatan untuk menghadapi penindasan
- Karya kesusasteraan menjadi penyampai mesej
- Sistem pendidikan di mana penjajah mengamalkan sikap pilih kasih dalam menyediakan kemudahan pendidikan
- Golongan intelektual yang melanjutkan pelajaran di Barat dan Asia Barat telah didedahkan dengan idea dan falsafah Barat dan Islam

- Pengaruh media massa seperti akhbar dan majalah menyemarakkan semangat nasionalisme
- Pengangkutan dan perhubungan seperti telefon dan telegraf memudahkan hubungan dalam kalangan nasionalis
- Pengaruh luar telah membuka mata para nasionalis tentang keupayaan negara kecil mampu mengalahkan negara besar

4 (b)

- Tumpuan kepada isu-isu pendidikan
- Pendidikan sahaja yang dapat mengubah nasib rakyat Indonesia
- Raden Adjeng Kartini berusaha memajukan pendidikan kaum wanita
- Karya *Habislah Gelap Terbitlah Terang*
- Karya *Penulisan Seorang Puteri Jawa* mendedahkan penindasan dan kemunduran rakyat Indonesia
- Perjuangan ini memberi inspirasi kepada pejuang-pejuang selepasnya
- Penubuhan Muhammadiyah
- Matlamat Muhammadiyah ialah menyebarkan Islam yang sebenar
- Menghindari ancaman sekularisme Barat dan agama Kristian
- Membina sekolah, klinik dan masjid

4 (c) (i)

- Globalisasi memberi impak positif kepada usaha memupuk semangat nasionalisme
- Berita dan perkembangan daripada negara lain dapat diperoleh dengan mudah dan dapat memberi iktibar kepada generasi muda
- Peperangan yang berlaku di negara lain memberi tauladan kepada generasi muda supaya menjaga kedaulatan tanah air
- Memberi kesan kepada peningkatan jati diri dan berjuang bersungguh-sungguh dalam bidang ekonomi dengan kewujudan pasaran terbuka
- Globalisasi juga memberi kesan negatif apabila terhakisnya budaya tradisi yang digantikan dengan pemodenan yang melampau
- Dari aspek ekonomi pula produk luar negara mengambil tempat menggantikan barangan tempatan
- Nilai-nilai murni semakin terhakis dan digantikan dengan nilai negatif yang mudah diperoleh
- Generasi muda lebih mementingkan individualisme dan semakin kurang semangat kekitaan

4 (c) (ii)

- Sekolah memupuk pelajar sayangkan bangsa dan negara sejak dibangku sekolah rendah
- Memperkasakan subjek sejarah di sekolah
- Mengenali tokoh-tokoh kemerdekaan dan pejuang bangsa
- Setiap kali proses pengajaran dan pembelajaran diselitkan beberapa minit untuk menimbulkan semangat cintakan negara
- Lawatan ke tempat-tempat bersejarah
- Nyanyian lagu patriotik/kibaran Jalur Gemilang
- Pertandingan esei/cerpen/kuiz bertemakan semangat perjuangan/nasionalisme

5 (a)

Tidak bersetuju

- Alasan kuasa Barat untuk mencampuri hal ehwal pentadbiran negara lain
- Bertujuan meluaskan tanah jajahan
- Meruntuhkan sistem pemerintahan tradisional tempatan
- Mengeksploitasi sumber kekayaan negara dijajah
- Memonopoli perdagangan bahan mentah demi kepentingan ekonomi penjajah
- Mengaut keuntungan
- Menjejaskan ekonomi pembesar tempatan
- Mengancam sistem pemerintahan tempatan

Ya, bersetuju

- Membawa kemajuan
- Ekonomi negara makin berkembang kesan perdagangan antarabangsa
- Kemajuan sistem pengangkutan dan perhubungan
- Pendapatan negara meningkat
- Sistem pemerintahan moden diperkenalkan
- Pengurusan negara semakin cekap dan tersusun
- Menjamin keamanan dan kestabilan negara

5 (b)

- Undang-undang Barat yang masih diamalkan sehingga kini tetapi disesuaikan dengan nilai-nilai Islam
- Ekonomi negara semakin meningkat
- Kemudahan infrastruktur bertambah maju
- Sistem pendidikan negara diiktiraf dunia
- Pembangunan negara diiktiraf dan menjadi tumpuan pelancong

- Menjadi tempat pelabur-pelabur asing
- Pengurusan pentadbiran negara yang diiktiraf dunia

5 (c)

- Mengawal kekayaan negara daripada dieksploitasi oleh kuasa Barat
- Berwaspada dengan syarat perdagangan yang tidak adil
- Mengawal harga bahan mentah daripada ditentukan kuasa Barat
- Berwaspada penjajahan bentuk budaya dalam kalangan masyarakat
- Menolak pengamalan budaya kuning yang negatif sebagai cara hidup
- Memperkasakan budaya Timur dan ajaran agama
- Meningkatkan ketinggian akhlak dan moral dalam kalangan rakyat tempatan
- Menolak penyalahgunaan dadah
- Menolak daripada mengagungkan semua perkara berunsurkan Barat
- Berfikiran matang dalam menilai negara-negara Barat yang dianggap terbaik

Bab 2

Soalan KBAT

- 1 Apakah iktibar yang boleh diambil daripada sikap pejuang tempatan ketika menentang penjajah?
 - Cinta akan tanah air
 - Sikap kerjasama
 - Sanggup berjuang untuk negara
 - Menentang peluasan kuasa penjajah
 - Sedia berkorban
 - Berjuang bermati-matian
 - Bersikap tabah dan cekal
 - Berani menanggung risiko
- 2 Apakah yang akan terjadi sekiranya rakyat Malaysia tidak memiliki semangat nasionalisme yang tinggi?
 - Negara mudah dijajah
 - Negara mundur
 - Pembangunan negara sukar dilaksanakan
 - Pentadbiran tidak teratur
 - Rakyat tidak bersatu padu
 - Negara huru-hara
 - Negara diancam musuh
- 3 Apakah peranan anda sebagai generasi muda hari ini dalam mengekalkan kemerdekaan negara kita?

- Mengukuhkan semangat cinta akan negara
- Mengeratkan perpaduan kaum
- Menjaga nama baik negara
- Tidak bekerjasama dengan kuasa asing
- Menguasai ilmu pengetahuan
- Menguasai segala bidang kemahiran
- Mengukuhkan pasukan tentera
- Meningkatkan kemajuan sains dan teknologi

4 Sekiranya anda seorang penulis sebuah akhbar, apakah isu-isu yang akan anda kemukakan bagi memupuk semangat cinta akan negara?

- Setia kepada raja dan pemimpin
- Penguasaan ekonomi oleh penjajah
- Kekejaman penjajah dan kuasa asing
- Kemiskinan bangsa
- Kepentingan pendidikan
- Perpaduan antara kaum
- Kemajuan sains dan teknologi
- Penggunaan bahasa kebangsaan
- Kejayaan negara dalam sukan dan ekonomi
- Isu-isu agama dan budaya

5 Bagaimanakah anda dapat memanfaatkan akhbar dan majalah dalam pembelajaran di bilik darjah?

- Menambah ilmu pengetahuan
- Peka terhadap isu semasa
- Mengenali dan memahami budaya negara lain
- Pembelajaran yang santai
- Pembelajaran lebih mudah difahami
- Ilustrasi bergambar menarik minat untuk belajar
- Meningkatkan kemahiran komunikasi
- Meningkatkan motivasi

Soalan Objektif

- 1 C 2 B 3 A 4 D 5 D 6 D
7 B 8 D 9 A 10 B 11 A 12 B
13 B 14 C 15 D 16 D 17 C 18 D
19 A 20 C 21 D 22 C 23 C 24 C
25 B 26 D 27 D 28 C

Soalan Struktur

1 (a)

- Dol Said
- Dato Maharaja Lela

- Yam Tuan Antah
- Dato' Syahbandar Sungai Ujong, Abdullah Tunggal
- Dato Bahaman
- Tok Gajah
- Iman Rasul
- Tok Janggut
- Haji Abdul Rahman Limbong
[mana-mana dua]

1 (b)

- Dasar penaklukan British
- Kesulitan penduduk tempatan
- Eksploitasi terhadap ekonomi tempatan
- Pelaksanaan pentadbiran Barat terhadap masyarakat tempatan
- Campur tangan British dalam adat resam tempatan
- Pembesar tempatan kehilangan kuasa dan pengaruh

1 (c)

- Menghantar pasukan tentera
- Menandatangani perjanjian
- Menjatuhkan hukuman kepada penentang
- Menggunakan nama dan kuasa Sultan

1 (d)

- Kehilangan kuasa untuk memungut cukai
- Kehilangan pengaruh
- Dibuang negeri
- Terkorban

1 (e)

- Kita mestilah saling bekerjasama untuk melaksanakan sesuatu perkara
- Kita mestilah mempunyai semangat juang yang tinggi
- Kita mestilah melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan
- Sikap disiplin dan gigih berusaha dapat menghasilkan perjuangan yang berjaya

2 (a)

- Mohammad Eunos Abdullah
- Tengku Kadir Ali
- Embok Suluh

2 (b)

- Menggabungkan tenaga intelektual Melayu
- Membincangkan nasib orang Melayu dalam soal ekonomi, pendidikan dan perkhidmatan kerajaan
- Menggalakkan perpaduan dalam kalangan orang Melayu

2 (c)

- Masyarakat di Sabah yang tinggal di kawasan pedalaman
- Kesulitan perhubungan
- Taraf pendidikan yang masih rendah

2 (d)

- Masyarakat boleh bersatu dalam persatuan untuk membela kepentingan mereka
- Adanya satu badan atau organisasi untuk menggerakkan mereka melakukan aktiviti
- Berkongsi pandangan berkaitan dengan sesuatu perkara

2 (e)

- Peranan pihak sekolah memberikan pendedahan kepada murid tentang aktiviti persatuan
- Pendedahan di media massa akan kepentingan berpersatuan
- Melakukan pelbagai aktiviti yang menarik minat golongan belia
- Kempen-kempen yang dilakukan oleh pihak kerajaan
- Memberikan ganjaran dan penghargaan yang menarik untuk belia menyertai persatuan

3 (a)

- MPAJA
- Force 136
- Pasukan Wataniah Pahang
[mana-mana dua]

3 (b)

- Mengharamkan semua akhbar yang diterbitkan sebelum ini
- Menukarkan nama akhbar tempatan kepada nama Jepun
- Semua sekolah menggunakan bahasa Jepun sebagai bahasa pengantar
- Nilai dan budaya Jepun diperkenalkan

3 (c)

- Rancangan yang ingin menggabungkan Tanah Melayu dengan Indonesia
- Cita-cita politik sebahagian kecil orang Melayu
- Mereka mahu menghidupkan semula kegemilangan empayar Melayu seperti Melaka dan Srivijaya
- Idea ini dimulakan oleh seorang pensyarah di Maktab Perguruan Sultan Idris, iaitu Abdul Hadi Hassan

3 (d)

- Jepun menyerah kalah tanpa syarat
- Pihak tentera Bersekutu di bawah Amerika Syarikat telah mengebom
- Dua buah bandar Jepun
- Hiroshima dan Nagasaki

3 (e)

- Sentiasa berwaspada kepada kuasa asing
- Menimba ilmu pengetahuan supaya kita menjadi masyarakat yang berilmu

- Memelihara perpaduan dalam negara
- Memilih pemimpin yang berwibawa
- Memelihara kestabilan ekonomi negara

Soalan Esei

4 (a)

Kesatuan Melayu Singapura

- Dianggotai oleh mereka yang berpendidikan Inggeris
- Bertujuan menjaga kepentingan sosioekonomi orang Melayu Singapura
- Mendesak British memberi perhatian kepada kebajikan orang Melayu
- Berjaya memperoleh penempatan khas orang Melayu di Singapura
- Membuka cawangan di Melaka, Pulau Pinang dan negeri Melayu yang lain pada tahun 1930-an
- Persatuan Sahabat Pena Malaya
- Menggalakkan ahli berkenal-kenalan dan bertukar pendapat untuk memajukan diri dan bangsa
- Menggalakkan perpaduan dalam kalangan orang Melayu di seluruh Semenanjung Tanah Melayu
- Mempunyai perlembagaan sendiri dan organisasi yang kemas
- Mendapat sambutan hangat dan menjadi asas kepada kesedaran perpaduan Melayu

4 (b)

- Kongres yang diadakan menggabungkan persatuan-persatuan Melayu yang menjadi kemuncak kesedaran politik orang-orang Melayu di peringkat kebangsaan
- Kongres Melayu yang pertama yang menggabungkan persatuan-persatuan Melayu telah diadakan pada Ogos 1939 di Kuala Lumpur
- Kongres Melayu yang kedua pula diadakan di Singapura pada Disember 1940
- Kongres Melayu yang pertama dan kedua memperlihatkan pengemblengan tenaga golongan intelektual dan wartawan Melayu
- Kedua-dua kongres tersebut telah membincangkan isu kemeunduran orang Melayu dalam bidang ekonomi dan pendidikan serta dasar pilih kasih British terhadap anak negeri

- Resolusi kongres menggambarkan perpaduan Melayu untuk mengatasi permasalahan sosioekonomi dan politik mereka yang lemah
- Kesedaran politik dan kesedaran orang Melayu terserlah dalam kedua-dua kongres ini sehingga berjaya meruntuhkan semangat kenegerian yang selama ini menebal
- Kongres ini menggalakkan kesedaran untuk bersatu membela kepentingan mereka dalam semua bidang
- Merupakan tanda kesepakatan orang Melayu di seluruh Semenanjung dalam satu gerakan nasionalisme

4 (c) (i)

- Mengisi masa lapang
 - Menambahkan kenalan
- Menambahkan ilmu pengetahuan
- Memupuk semangat perpaduan
 - Membentuk disiplin diri
 - Melatih pelajar menjadi ketua atau pemimpin

4 (c) (ii)

Sebab-sebab penting

- Pelajar hanya mementingkan kejayaan akademik
- Pelajar berpendapat kegiatan kokurikulum hanya membuang masa
- Pelajar tidak mendapat sokongan ibu bapa
- Pelajar tidak berminat bergaul dengan rakan lain

Cadangan mengatasi masalah

- Guru dan ibu bapa memberi sokongan
- Guru mewajibkan pelajar menyertai kegiatan kokurikulum
- Pelbagai aktiviti menarik diadakan dalam kegiatan kokurikulum
- Memberi anugerah dan pengiktirafan kepada pelajar yang aktif dalam Kokurikulum

5 (a)

- PKM menubuhkan Malayan People's Anti-Japanese Army (MPAJA) untuk menentang Jepun
 - Disokong oleh British yang memberikan bantuan senjata.
 - Mereka bekerjasama menjalankan perang gerila terhadap Jepun
- Menubuhkan pasukan Bintang Tiga
 - Ahli terdiri daripada tiga kaum penting di Tanah Melayu, iaitu Melayu, Cina dan India

5 (b)

- Dasar pemerintahan ketenteraan Jepun

- Pemerintah Jepun menyekat kebebasan bersuara penduduk Tanah Melayu.
- Jepun memberikan kebebasan kepada pertubuhan yang menyokongnya
- Memperkenalkan dasar pemerintahan Tentera Jepun di Tanah Melayu
 - Menyekat kebebasan bersuara penduduk
 - Hanya memberi kebebasan kepada pertubuhan yang menyokong bergerak di bawah pengawasan Jepun
 - Mengharamkan semua akhbar yang diterbitkan sebelumnya
 - Menukar nama akhbar tempatan kepada nama Jepun seperti Malai Simbun untuk Utusan Melayu
 - Semua sekolah menggunakan bahasa Jepun sebagai bahasa pengantar

5 (c) (i)

- Pendudukan Jepun telah melahirkan semangat menentang penjajah
 - Melalui gerakan bawah tanah
 - PKM telah menubuhkan MPAJA untuk menentang Jepun
 - MPAJA menjalankan perang gerila terhadap Jepun
 - Orang Melayu menubuhkan Force 136/Pasukan Wataniah
 - Anggotanya terdiri daripada guru/pegawai tadbir kerajaan/orang kampung
 - Bekerjasama dengan British menentang Jepun
- KMM meminta Jepun memberikan kemerdekaan Tanah Melayu bersama Indonesia
 - Untuk menubuhkan negara Melayu Raya/Indonesia Raya
 - KRIS ditubuhkan untuk melaksanakan tugas
- Kesengsaraan hidup zaman penjajah memberi pengajaran
 - Membenci semua penjajah sama ada British ataupun Jepun
 - Mereka menganggap semua penjajah adalah zalim
- Konsep Kesemakmuran Asia diperkenalkan Jepun
 - Menekankan kebebasan negara-negara Asia
 - Menentukan kemajuan masing-masing dan meningkatkan persaudaraan dalam kalangan negara

5 (c) (ii)

- Memupuk kesetiaan rakyat pada pemerintah tempatan
- Mengukuhkan jati diri
- Bekerjasama sesama kaum di Malaysia
- Membangkitkan semangat patriotik
- Mementingkan perpaduan
- Mengukuhkan pertahanan negara
- Mewujudkan kerjasama yang erat dengan negara jiran
- Bersyukur dengan nikmat keamanan dan kesejahteraan negara
- Tidak mudah menerima pengaruh luar
- Tidak akan mengulangi kesilapan lalu

Bab 3

Soalan KBAT

- 1 Mengapakah konsep rundingan dan toleransi dipilih dalam membentuk negara dan bangsa Malaysia?
- Masyarakat Malaysia berbilang kaum
 - Mengelakkan perpecahan kaum
 - Menggalakkan pertumpahan darah
 - Menghormati hak setiap kaum
 - Menyelesaikan masalah dengan harmoni
 - Menggalakkan kebebasan bersuara
 - Merupakan budaya masyarakat Melayu
- 2 Pada pendapat anda, apakah keistimewaan kaedah yang digunakan dalam pembinaan negara dan bangsa Malaysia?
- Kerjasama pemimpin
 - Menyatukan pelbagai kaum
 - Kerjasama Parti Perikatan
 - Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum ditubuhkan
 - Rundingan UMNO-CLC
 - Sistem Ahli ditubuhkan
 - Pakatan Murni diwujudkan
 - Tolak ansur antara tiga kaum
 - Berkat kebijaksanaan pemimpin
 - Melaksanakan pilihan raya
 - Tidak melibatkan pertumpahan darah
 - Kemerdekaan dicapai melalui perundingan
- 3 Apakah iktibar yang boleh diambil daripada sejarah kegemilangan bangsa dan negara Malaysia?

- Kesetiaan rakyat menjamin keamanan negara
- Sistem pemerintahan tersusun menjamin kestabilan politik
- Rakyat bertanggungjawab dan bersedia mempertahankan kedaulatan negara
- Penggubalan undang-undang untuk melindungi kesejahteraan rakyat
- Perkembangan ekonomi meningkatkan kegemilangan bangsa
- Pemimpin yang bijak akan memajukan bangsa dan negara
- Mengadakan hubungan baik dengan kuasa lain

4 Pada pendapat anda, apakah konsep negara dan bangsa Malaysia yang wujud pada hari ini?

- Masyarakat berbilang kaum
- Berlainan bahasa, budaya dan kepercayaan
- Dibentuk melalui penggunaan Bahasa Kebangsaan
- Pengamalan kebudayaan kebangsaan
- Pengamalan Rukun Negara
- Kebebasan beragama

5 Apakah nilai-nilai dalam pentadbiran Adat Perpatih yang boleh kita contohi?

- Konsep persekutuan
- Sistem demokrasi
- Perundingan
- Bergotong-royong
- Pengagihan kuasa
- Bekerjasama
- Saling menghormati
- Mementingkan permuafakatan

Soalan Objektif

- 1 A 2 C 3 A 4 D 5 B 6 B
7 B 8 A 9 D 10 D 11 D 12 C
13 D 14 B 15 D 16 D 17 C 18 A
19 C 20 D 21 A 22 B 23 C 24 D
25 A 26 C 27 D 28 D

Soalan Struktur

1 (a)

- Berdasarkan persaudaraan Islam
- Menyusun perlembagaan terlebih dahulu
- Cara diplomasi
- Musyawarah
- Permuafakatan antara pemimpin

1 (b)

- Pakatan Murni

- Rundingan
- Kebijaksanaan pemimpin
- Tolak ansur antara tiga kaum terbesar
- Pandangan jauh pemimpin

1 (c)

- Kerjasama antara pemimpin dengan pemimpin
- Pemuafakatan antara pemimpin dengan rakyat
- Amalan kerjasama dan pemuafakatan

1 (d)

- Berwawasan
- Berketerampilan
- Bijak merancang
- Tegus
- Berfikiran rasional
- Berjiwa besar
- Berpengetahuan luas

[mana-mana dua]

1 (e)

- Negara tidak aman
- Ramai nyawa terkorban
- Rakyat menderita
- Harta benda rosak
- Wujud pertelingkahan antara kaum

2 (a)

- Raja/sultan sebagai ketua negeri
- Adat istiadat Melayu masih terus diamalkan
- Agama Islam sebagai agama rasmi
- Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara
- Gelaran Sultan pada awal nama
- Sistem perwarisan takhta yang mengikut jurai keturunan sebelah bapa/putera sulung dengan permaisuri/adik lelaki Sultan
- Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri
- Alat kebesaran diraja/regalia/nobat/warna/bahasa/protokol menjadi warisan yang dikekalkan

[mana-mana dua]

2 (b)

- Mempunyai perlembagaan bertulis
- Menetapkan pewaris takhta
- Pewaris takhta mestilah keturunan Sultan
- Pewaris adalah anak lelaki sulung permaisuri/adik lelaki Sultan
- Mengiktiraf orang Melayu sebagai rakyat Johor bagi menjamin kesetiaan
- Menjadikan Islam agama rasmi
- Sultan mempunyai kuasa melantik/menentukan Menteri Besar/Jemaah Menteri

- Raja, Menteri dan Jemaah Pangkuan Negeri dilarang menyerahkan negeri kepada kuasa/ kerajaan lain.
 - Majlis Mesyuarat Kerajaan dibantu oleh Majlis Negeri dan Jemaah Menteri.
 - Majlis Negeri membantu Raja dan Jemaah Menteri dalam pentadbiran
 - Meletakkan syarat keanggotaan Jemaah Menteri ialah berbangsa Melayu, beragama Islam dan rakyat Johor
 - Menteri mesti mengangkat sumpah dan memberi taat setia
 - Membentuk kerajaan bercorak demokrasi bagi menggantikan pemerintahan raja mutlak
 - Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor berasaskan perlembagaan Barat
- 2 (c)**
- Jemaah Penasihat Raja
 - Jemaah Menteri Istana
 - Jemaah Menteri Keadilan dan Kehakiman
 - Jemaah Menteri Dalam Negeri
 - Jemaah Menteri Luar
 - Jemaah Menteri Perbendaharaan
 - Jemaah Menteri Peperangan
 - Jemaah Menteri Pentadbiran dan Pengimarah Negeri
- [mana-mana dua]*
- 2 (d)**
- Telah termaktub dalam perlembagaan Malaysia
 - Yang di-Pertuan Agong (YDPA)/ Raja sebagai tonggak negara/ketua utama negara/ketua negeri
 - Raja merupakan simbol keutuhan/ perpaduan rakyat
 - Yang di-Pertuan Agong/Raja merupakan salah satu unsur dalam Parlimen/Dewan Undangan Negeri (DUN)
 - Menjadi Ketua Agama Islam bagi Persekutuan/negeri sendiri
 - YDPA bertanggungjawab menjaga/ memelihara kedudukan/hak istimewa orang Melayu/bumiputera
 - Berkuasa dalam Majlis Raja-Raja Melayu bagi menjamin status quo orang Melayu
 - Berkuasa melantik Perdana Menteri/ Menteri Besar
 - Mengikat hubungan antara Raja dengan rakyat
 - Bertindak sebagai Ketua Tertinggi Angkatan Bersenjata

- Hanya YDPA yang boleh mengisytiharkan undang-undang Darurat di bawah Undang-undang X sekiranya keselamatan negara terancam
 - YDPA berkuasa melantik Pengerusi SPR/ahli Perkhidmatan Kehakiman/ Pengerusi/Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam/ Peguam Negara/Ketua Audit Negara
- 3 (a)**
- Raja hendaklah berbangsa Melayu
 - Raja hendaklah beragama Islam
 - Raja hendaklah seorang lelaki
 - Merupakan waris pemerintah
 - Amalan sistem monarki
 - Berdasarkan sistem pemerintahan warisan Kesultanan Melayu Melaka
 - Pemerintah menggunakan gelaran Sultan
 - Mementingkan jurai keturunan sebelah bapa
 - Pelantikan Menteri Besar atas persetujuan sultan
- 3 (b)**
- Melicinkan pemerintahan dan pemerintahan Kelantan
 - Satu pentadbiran yang mantap
 - Menghalang British daripada menguasai Terengganu
 - Menjaga keamanan negeri Johor
 - Merupakan satu peraturan bertulis yang teatur dan mantap
 - Menjamin sistem pentadbiran yang berkesan
 - Menjaga keamanan negara
 - Menjalin hubungan persahabatan dengan negeri lain
 - Menggambarkan kebijaksanaan pemerintah
 - Benteng/tulang belakang untuk mengekalkan kedaulatan negeri
 - Memberikan kedudukan yang istimewa kepada agama Islam
 - Mengekalkan amalan sistem monarki
 - Menjaga kebajikan rakyat
- 3 (c)**
- Diterima oleh semua kaum
 - Mementingkan perpaduan kaum
 - Mengekalkan keamanan dan kemakmuran
 - Boleh diamalkan di negara yang mempunyai pelbagai kaum
 - Mengutamakan kemajuan negara
 - Mengekalkan hubungan baik dengan negara luar
 - Jaminan keselamatan kepada semua
 - Menekankan kepada nilai-nilai murni

- Berasaskan kepada amalan beragama
 - Menekankan kepada pembangunan negara
- 3 (d)**
- Prinsip asas membentuk negara
 - Dokumen rasmi peraturan tertinggi negara
 - Menjadi rujukan untuk memerintah
 - Menjamin kerajaan menjalankan tanggungjawab kepada rakyat
 - Menjamin kestabilan negara
 - Menjamin kecekapan, kejujuran, keadilan dan ketelusan kerajaan
 - Menjamin hak asasi dan kebebasan rakyat
 - Rakyat mengetahui had kebebasan mereka dari segi undang-undang
 - Panduan pemimpin memerintah selari dengan aspirasi rakyat
 - Menjamin taat setia rakyat
 - Memupuk semangat patriotisme

Soalan Esei

4 (a)

- Amalan ini mewajarkan apa sahaja cara untuk mencapai matlamat politik
- Seperti tipu helah, kekerasan bersenjata dan peperangan

4 (b)

Wajar

- Difikirkan wajar dan sesuai oleh pemimpin pada waktu itu demi bangsa negara
- Bertindak ganas dan tegas mampu menundukkan musuh negara
- Semangat nasionalisme dan patriotik mengatasi segala-galanya
- Kekuatan tentera sangat relevan pada zaman itu
- Peluasan kuasa dan empayar menjadi lambang kekuatan bangsa negara

Tidak wajar

- Amalan *realpolitik* ialah amalan yang mewajarkan apa sahaja cara untuk mencapai matlamat politik
- Bertentangan dengan ajaran agama rakyat Malaysia
- Bertentangan dengan budaya dan adat resam orang Melayu
- Pentadbiran bersifat kuku besi
- Mengamalkan unsur-unsur negatif
- Kestabilan politik terancam
- Ekonomi mundur dan merudum
- Perpecahan bangsa
- Pemerintahan bersifat diktator
- Rakyat hidup dalam ketakutan
- Negara kucar-kacir dan huru-hara
- Wujudnya kumpulan penentang
- Pelaburan asing terjejas

4 (c) (i)

- Menghormati adat resam dan budaya kaum lain
- Menghayati dan mengamalkan prinsip rukun negara
- Mengamalkan semangat perpaduan
- Membina jati diri bangsa Malaysia
- Melengkapkan diri dengan ajaran agama
- Memantapkan sahsiah diri
- Bersikap toleransi dan saling memahami dalam hubungan antara kaum
- Bersama-sama meraikan sambutan perayaan pelbagai kaum
- Bersedia membantu tanpa mengira kaum
- Mendokong semangat Malaysia boleh

4 (c) (ii)

- Dibentuk hasil daripada kebijaksanaan pemimpin
- Tidak melibatkan pertumpahan darah
- Kemerdekaan dicapai melalui rundingan
- Melalui proses pakatan murni dan tolak ansur antara kaum
- Perpaduan kaum menjadi asas kemerdekaan

5 (a)

Wilayah

- Iaitu kawasan tempat tinggal rakyat
- Sempadannya diterima umum
- Wilayah pengaruh merujuk kepada kawasan yang rakyatnya menerima pemerintahan seseorang raja
- Memperakui pemerintahan seseorang raja
- Kesultanan Melayu Melaka mempunyai kawasan lingkungan pengaruh yang luas
- Walaupun sempadannya tidak ditetapkan seperti sempadan negara moden
- Empayarnya meliputi keseluruhan Semenanjung Tanah Melayu/seluruh timur Sumatera

Kedaulatan

- Merupakan kekuasaan tertinggi terhadap rakyat sesebuah wilayah
- Kekuasaan tidak boleh dihadkan oleh mana-mana pihak
- Merujuk kepada kekuasaan yang dimiliki oleh sesebuah negara/pemerintah
- Negara/pemerintah boleh menggunakan kuasa untuk menggubal/melaksanakan undang-undang

- Raja yang memerintah mewakili negeri/kawasan pemerintahan
- Negara berkenaan mempunyai hak mutlak terhadap rakyatnya
- Negara itu bebas daripada campur tangan/paksaan/taklukan/perintah kuasa asing
- Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka kedaulatan dirujuk terus kepada raja yang memerintah
- Raja yang memerintah mewakili negeri/kawasan pemerintahan

Lambang negara

- Merupakan simbol/tanda yang menjadi identiti sesebuah negara
- Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan
- Lambang penyatuan negara/bangsa
- Kebesaran sultan/Kesultanan Melayu dilambangkan dengan alat tertentu
- Seperti regalia/nobat/warna/bahasa/undang-undang/protokol/adat istiadat istana

Keunggulan Undang-undang

- Untuk mengawal masyarakat melalui peraturan yang telah diwartakan
- Undang-undang dicipta untuk memelihara keamanan/melindungi rakyat
- Keunggulan undang-undang menentukan struktur kerajaan/kehakiman/bahasa/agama/kerakyatan diterima oleh masyarakat
- Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka terdapat dua sumber undang-undang bertulis
- Undang-undang ini dipengaruhi oleh hukum adat tempatan/agama Islam
- Hukum Kanun Melaka
- Menyentuh bidang kuasa raja/pembesar serta pantang larang dalam kalangan anggota masyarakat
- Hukuman ke atas kesalahan jenayah awam/undang-undang keluarga/lain-lain
- Undang-undang Laut Melaka
- Membincangkan perkara yang berkaitan dengan tatacara pelayaran di laut
- Tanggungjawab pengawal kapal/atur cara pelayaran/perniagaan/bidang kuasa nakhoda kapal/hukuman bagi kesalahan jenayah

Rakyat

- Seluruh penduduk bagi sesebuah wilayah
- Mereka terikat dengan undang-undang/peraturan yang dikuatkuasakan dalam wilayah tersebut

- Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka rakyat bertanggungjawab mentaati raja yang memerintah
- Contoh tanda ketaatan rakyat adalah bersedia mempertahankan negara/menghadiri adat istiadat kerajaan/mengadakan gotong-royong/kerahan tenaga

Kerajaan

- Badan yang diberi kuasa untuk menguruskan pentadbiran
- Menjaga keamanan
- Mempertahankan kedaulatan negara
- Menjalin hubungan diplomatik dengan negara lain
- Semasa Kesultanan Melayu Melaka kerajaan wujud apabila adanya raja
- Raja/sultan merupakan pemerintah tertinggi
- Dibantu oleh Bendahara/Penghulu Bendahari/Temenggong/Laksamana
- Mereka menjadi tonggak institusi kerajaan yang memerintah
- Diberi portfolio mengikut bidang masing-masing
- Sistem ini dinamakan Sistem Pembesar Empat Lipatan
- Menjamin kesentosaan sistem pemerintahan beraja/kerajaan di Melaka

5 (b)

- Warisan Kesultanan Melayu Melaka seperti adat istiadat Melayu
- Agama Islam berkembang di negeri-negeri tersebut
- Bahasa Melayu berkembang di negeri-negeri tersebut
- Kerajaan tersebut diasaskan oleh kerabat diraja Melaka
- Semua pemerintah negeri menggunakan gelaran Sultan pada awal nama masing-masing
- Sistem warisan takhta di negeri-negeri tersebut mementingkan jurai keturunan sebelah bapa
- Putera sulung Sultan dengan permaisurinya berpeluang mewarisi takhta kerajaan
- Sekiranya sultan tidak mempunyai putera/adik lelaki sultan boleh mewarisi takhta
- Mengamalkan Sistem Pembesar Empat Lipatan
- Perbezaan antara ketiga-tiga negeri tersebut adalah pada gelaran pembesarnya
- Disebabkan perubahan semasa/penyesuaian dengan keadaan tempatan

- Kitab undang-undang disalin/ dipinda berdasarkan Hukum Kanun Melaka
 - Untuk disesuaikan dengan unsur tempatan
 - Contoh Undang-undang Pahang yang disusun oleh Sultan Abdul Ghapur Muhiyuddin Syah pada tahun 1596
- 5 (c) (i)**
- Raja merupakan ketua negara
 - Raja lambang kedaulatan negara
 - Warisan turun-temurun sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka
 - Lambang keamanan rakyat
 - Lambang perpaduan
 - Pelindung semua rakyat/orang Melayu
 - Menjaga hak istimewa orang Melayu/bumiputera
 - Memastikan keadilan dilaksanakan
 - Melicinkan pentadbiran
 - Lambang identiti negara
- 5 (c) (ii)**
- Menyemai semangat patriotik dalam kalangan pelajar
 - Menghormati lambang-lambang kebesaran
 - Menghayati Rukun Negara
 - Menganjurkan pertandingan bahas/pidato/syarahan/kuiz/melukis berkaitan Yang di-Pertuan Agong/sultan
 - Lawatan ke muzium diraja
 - Mencari maklumat berkaitan institusi beraja di internet/media massa
 - Menghasilkan penulisan berkaitan institusi beraja
 - Meraikan hari keputeraan Yang di-Pertuan Agong/sultan
 - Mengantung gambar Yang di-Pertuan Agong/sultan
 - Menghasilkan dokumentari tentang Yang di-Pertuan Agong/sultan
 - Media elektronik menyiarkan rancangan dokumentari berkaitan Yang di-Pertuan Agong/sultan
 - Menyanyikan lagu kebesaran negeri dengan penuh semangat
 - Menghadiri upacara pertabalan Yang di-Pertuan Agong/sultan
 - Menghormati upacara pemakaman Yang di-Pertuan Agong/sultan
 - Berkabung atas kemangkatan Yang di-Pertuan Agong/sultan
- 6 (a)**
- Persamaan*
- Tangjawab Sultan dan Menteri

- Sultan dan menteri dilarang menyerahkan negeri kepada kuasa lain
 - Agama Islam
 - Agama Islam menjadi agama rasmi kedua-dua buah negeri
 - Perlantikan Menteri Besar
 - Raja berhak memilih Menteri Besar
 - Jemaah Menteri menentukan jawatan Naib Menteri Besar
 - Syarat menjadi Menteri
 - Mesti berbangsa Melayu, beragama Islam dan merupakan rakyat kedua-dua negeri
- Perbezaan*
- Nama perlembagaan Johor ialah Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor
 - Undang-undang Terengganu dikenali sebagai *ittiqan ilmuluk bi-tadil ilsuluk*
 - Undang-undang Tubuh kerajaan Johor telah diperkenalkan pada tahun 1895
 - Sultan Terengganu memperkenalkan Perlembagaan Terengganu pada tahun 1911
 - Tokoh yang memperkenalkan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor ialah Sultan Abu Bakar
 - Tokoh yang memperkenalkan *ittiqan ilmuluk bi;tadil il-suluk* ialah Sultan Zainal Abidin III
- 6 (b)**
- Negeri Kelantan telah lama menjalankan sistem Jemaah menteri sejak zaman pemerintahan Sultan Muhammad I (1801–1836)
 - Baginda telah melantik beberapa orang pembesar untuk membantu pentadbirannya
 - Semasa pemerintahan Sultan Muhammad II (1836–1886) telah membentuk Jemaah Menteri bagi melicinkan pentadbiran dan pemerintahan negeri Kelantan
 - Terdapat lapan badan Jemaah Menteri
 - Setiap satunya dianggotai oleh empat orang pembesar
 - Setiap Jemaah Menteri mempunyai bidang tugas masing-masing
 - Jemaah Penasihat Raja
 - Bertanggung jawab tentang perkara dan urusan penting bukan rahsia
 - Jemaah Menteri istana
 - Hal-hal istiadat diraja dan Istiadat rasmi di Kelantan
 - Jemaah Keadilan dan Kehakiman

- Bertanggung jawab hal Keadilan dan Kehakiman
 - Jemaah Menteri Dalam Negeri
 - Bertanggungjawab menjaga Keamanan Negeri
 - Jemaah Menteri Luar
 - Bertanggungjawab menentukan dasar dan ehwal luar negeri
 - Jemaah Menteri Perbendaharaan
 - Bertanggungjawab menjaga harta benda dan hasil mahsul
 - Jemaah Menteri Peperangan
 - Bertanggungjawab menguruskan hal-hal pertahanan dan keamanan negeri
 - J.M. Pentadbiran dan Mengimarahkan Negeri
 - Menguruskan hal-hal kemajuan dan pembangunan negeri
- 6 (c) (i)**
- Untuk menjamin kestabilan sesebuah negara dengan merangka bentuk pentadbirannya
 - Membantu dan menjamin kecekapan, kejujuran, keadilan, ketelusan serta kelicinan pentadbiran dan pemerintahan sesebuah kerajaan
 - Menjamin hak asasi dan kebebasan rakyat di negara ini
 - Menjamin taat setia rakyat yang tidak berbelah bagi kepada negara
 - Menjaga dan memelihara hak istimewa orang melayu dan bumiputera di Sarawak dan Sabah tanpa mengabaikan kaum yang lain
 - Menjamin kerjasama, keadilan dan kepentingan bersama antara kerajaan persekutuan dengan kerajaan negeri
 - Menjamin kedudukan hak istimewa orang Melayu dan bumiputera di Sarawak dan Sabah tidak dipersoalkan
- 6 (c) (ii)**
- Mematuhi perlembagaan Malaysia
 - Tidak terikut-ikut dengan budaya luar yang merosakkan
 - Mengukuhkan semangat patriotisme
 - Memahami perkembangan politik dunia
 - Merealisasikan Wawasan 2020
 - Bersikap positif dan sentiasa bertolak ansur
 - Bersiap siaga dengan tindak-tanduk kuasa luar
 - Berganding bahu menentang musuh negara
 - Belajar bersungguh-sungguh

Bab 4

Soalan KBAT

- 1 Apakah yang akan berlaku pada hari ini jika Malayan Union berjaya dilaksanakan oleh British di negara kita?
- Bangsa Malayan Union terbentuk
 - Negara dan bangsa terhapus
 - British masih menguasai sumber tenaga dan pelaburan
 - British terus menguasai sumber ekonomi kita
 - Kuasa politik orang Melayu berkurangan
 - Kewarganegaraan sama rata dilaksanakan melalui prinsip *jus soli*
- 2 Pada pendapat anda, mengapakah pada ketika itu British terlalu menginginkan penubuhan Malayan Union di Tanah Melayu?
- Membentuk bangsa Malayan Union
 - Menjimatkan kos pentadbiran
 - Mengawal kuasa politik orang Melayu
 - Melahirkan pentadbiran yang licin
 - Persediaan membenuk kerajaan sendiri
 - Meneruskan usaha mengeksploitasi ekonomi
- 3 Pendidikan kepada rakyat sangat penting bagi mengelakkan propaganda musuh negara. Buktikan.
- Berilmu pengetahuan tinggi
 - Berkemahiran sains dan teknologi
 - Berfikiran matang dan rasional
 - Mengukuhkan semangat cinta akan negara
 - Mampu menolak sebarang bentuk ancaman
 - Mengukuhkan perpaduan dalam negara

Soalan Objektif

- 1 D 2 B 3 D 4 D 5 D 6 D
7 D 8 A 9 C 10 D 11 D 12 B
13 D 14 D 15 C 16 D 17 D 18 B
19 D 20 C 21 A 22 A 23 D 24 A
25 C 26 D 27 C 28 C

Soalan Struktur

- 1 (a)
- Beliau telah tua
 - Beliau telah uzur

- Anthony Brooke didapati tidak layak untuk mentadbir dengan berkesan
- 1 (b)
- Persatuan Melayu Sarawak (PMS)
 - Persatuan Dayak Sarawak (PDS)
 - Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak (PKMS)
 - Barisan Pemuda Sarawak (BPS)
 - Barisan Pemuda Melayu (BPM) Sibul
- 1 (c)
- Perlembagaan bertulis pertama di Sarawak
 - Vyner Brooke berjanji akan memberikan kerajaan sendiri kepada Sarawak dan kuasa mentadbir akan diberikan kepada Majlis Negeri
 - Ahli-ahli Majlis Negeri akan dilantik oleh Raja Sarawak
- 1 (d)
- Kaum ibu dan PKMS turut membantah dengan berdemonstrasi
 - Mereka juga turut menghantar surat bantahan kepada kerajaan British
 - Seramai 338 orang kakitangan awam meletakkan jawatan sebagai tanda bantahan
 - Wujud pakatan sulit antara kaum terpelajar dengan orang muda Sarawak telah menghasilkan Rukun Tiga Belas, sebagai tindak balas terhadap tekanan politik British
 - Rosli Dhobi telah menikam Sir Duncan Stewart iaitu Gabenor Sarawak yang baru dilantik
- 2 (a)
- Persediaan membentuk kerajaan sendiri
 - Persediaan kepada Tanah Melayu ke arah membentuk pemerintahan sendiri
 - Membentuk bangsa Malayan Union
 - Supaya golongan pendatang dapat melupakan negara asal mereka
 - Menumpukan taat setia kepada Malayan Union
 - British dapat memastikan sumber tenaga dan pelaburan untuk memajukan Tanah Melayu tidak terbantut
 - Menjimatkan kos pentadbiran
 - Mengawal kuasa politik orang Melayu
 - British dapat menjamin penguasaan yang berterusan sumber ekonomi Tanah Melayu
 - Melahirkan pentadbiran yang licin
 - Sebelum Perang Dunia Kedua, Tanah Melayu terbahagi kepada tiga pentadbiran yang berbeza

- Negeri-Negeri Selat (NNS), Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB), dan Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB)
 - Kepelbagaian sistem ini telah menelan kos yang besar
 - Menyebabkan pembangunan ekonomi di setiap negeri tidak seimbang
- 2 (b)
- Semua Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri Melayu Tidak Bersekutu serta dua Negeri Selat disatukan
 - Seorang gabenor British akan dilantik oleh Baginda Ratu England akan mengetuai Malayan Union
 - Majlis Eksekutif dan Majlis Undangan Malayan Union dibentuk
 - Singapura diasingkan kerana kepentingannya sebagai pelabuhan bebas
 - Kewarganegaraan sama rata dengan prinsip *jus soli* menjadi asas kerakyatan Malayan Union
 - Raja-Raja Melayu menjadi ahli Majlis Raja-Raja Melayu yang hanya membincangkan soal agama dan adat istiadat Melayu
 - Seorang Pesuruhjaya Negeri dilantik bagi setiap negeri sebagai ketua pentadbir
- 2 (c)
- Orang Melayu membantah tindakan Sir Harold MacMichael yang mengugut Raja-Raja Melayu bahawa baginda akan diturunkan daripada takhta sekiranya enggan menerima Malayan Union seperti yang terjadi kepada Sultan Badlishah, Kedah
 - Kebanyakan sultan tidak diberikan masa yang cukup untuk berunding dengan Majlis Mesyuarat Negeri seperti yang berlaku pada Sultan Perak
 - Terdapat sultan yang menandatangani Perjanjian Malayan Union atas dasar setia kawan kepada British seperti Sultan Selangor dan Sultan Johor
 - Bagi orang Melayu, keadaan selepas Perang Dunia Kedua tidak sesuai untuk British membuat pembaharuan politik
 - Orang Melayu menentang penghakisan kuasa Raja-Raja Melayu dalam Malayan Union
 - Raja-Raja Melayu hanya menjadi ahli dalam Majlis Raja-Raja Melayu tanpa sebarang kuasa

- Raja-Raja Melayu juga kehilangan takhta dan kredibiliti sebagai ketua orang Melayu
 - Zakat fitrah telah dipungut atas nama Gabenor Malayan Union bertentangan dengan kedudukan sultan sebelum ini sebagai ketua agama Islam
 - Orang Melayu bimbang agama Islam akan tercabar
 - Pemberian kerakyatan yang longgar kepada orang dagang juga ditolak oleh orang Melayu
 - Dasar British ini dilihat mengancam status quo orang Melayu sebagai peribumi
 - Jumlah orang Melayu akan menjadi kecil dengan kemasukan orang dagang
 - Ekonomi dan pendidikan orang Melayu akan menjadi lebih mundur
 - Orang Melayu bimbang akan kehilangan warisan tamadun yang dibina oleh kerajaan Melayu seperti Kesultanan Melayu Melaka
 - Pengenalan Malayan Union akan menghapuskan sejarah yang dibina oleh kerajaan tersebut
- 2 (d)**
- Akhbar-akhbar Melayu seperti *Utusan Melayu*, *Majlis* dan *Warta Negara* telah menyatakan bantahan secara berterusan
 - Orang Melayu telah mengadakan demonstrasi secara damai semasa Sir Harold MacMichael mendapatkan tandatangan Raja-Raja Melayu
 - Ini berlaku di Kota Bharu Kelantan dan Alor Setar di Kedah
 - Persatuan-persatuan Melayu dihidupkan semula untuk menentang Malayan Union
 - Mereka menghantar telegram dan surat bantahan ke Pejabat Tanah Jajahan di London
 - Pada 23 Januari 1946, Dato' Onn Ja'afar menyeru orang Melayu berkongres dan menubuhkan United Malays Organization (U.M.O) sebagai benteng menentang Malayan Union
 - Kongres Melayu 1946 telah diadakan 1 hingga 4 Mac 1946 di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur.
